

Akta baharu jenayah seksual kanak-kanak tidak bertindih

KUALA LUMPUR 14 MAC - Akta baharu berkaitan jenayah seksual kanak-kanak yang akan diwujudkan tidak akan bertindih dengan peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan.

Penggubal Undang-Undang Parlimen Jabatan Peguam Negara, Datuk Ilani Mohd. Ibrahim berkata, ini kerana akta baharu itu bersifat lebih menyeluruh dan terperinci berhubung kesalahan-kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang antaranya turut mengambil kira perkembangan teknologi semasa.

Sebagai contoh, jelas beliau, jika undang-undang sebelum ini hanya menyentuh mengenai bahan pornografi bercetak, akta baharu pula akan turut meliputi bahan tidak bercetak.

“Tidak berlaku pertindihan, jika ada pindaan dalam akta sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan, ia hanya untuk menambah baik undang-undang

tersebut.

“Akta baharu ini akan dibaca bersama dengan undang-undang sedia ada, jika akta baharu ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang memerlukan peruntukan tambahan, undang-undang sedia ada akan dibuat pindaan



ILANI MOHD. IBRAHIM

bagi memastikan penyelesaian menyeluruh,” katanya dalam Perbincangan Prosedur dan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Kanak-Kanak sempena Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!! di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Ketika mengulas mengenai masalah sabitan yang tidak dapat dikenakan ke atas pesalah jenayah seksual kanak-kanak, Ilani menjelaskan bahawa perkara itu sebenarnya bergantung kepada beberapa faktor termasuk keterangan tidak mencukupi.

Beliau berkata, keterangan yang tidak mencukupi hasil siasatan yang dijalankan tidak dapat memuaskan hati mahkamah untuk mensabitkan tertuduh.

“Masalah (mensabitkan tertuduh) sebenarnya bukan bergantung kepada undang-undang semata-mata tetapi keseluruhan sistem pentadbiran keadilan jenayah.

“Jadi undang-undang sedia ada akan diperincikan bukan sahaja untuk melihat aspek kesalahan, tetapi juga aspek penyiasatan, kebolehterimaan keterangan dan keseluruhan sistem keadilan jenayah itu sendiri,” ujarnya.

Ketika menjawab pertanyaan daripada peserta mengenai bentuk hukuman yang akan dikenakan ke atas pesalah yang rapat dengan mangsa seperti keluarga, dan guru, Ilani berkata, prinsip yang digunakan adalah hukuman perlu setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Jelas beliau, ia termasuk terhadap pesalah yang mempunyai obligasi atau tanggungjawab besar terhadap mangsa.

“Sudah tentu jika kesalahan itu adalah suatu kesalahan yang serius, hukuman yang akan ditetapkan akan menggunakan pertimbangan yang sama seperti undang-undang lain,” katanya.